

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 13 Oktober 2014 (Isnin)**

**SOALAN :**

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kerajaan bersetuju atau tidak untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji sama ada aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak telah dipenuhi atau dikhianati sejak pembentukan Malaysia.**

**JAWAPAN : YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi maksud pembentukan Malaysia, Suruhanjaya Cobbold dan Jawatankuasa Antara Kerajaan (*Inter-Governmental Committee*) telah ditubuhkan untuk mengkaji dan merumuskan persetujuan-persetujuan yang diberikan oleh rakyat di Sabah dan Sarawak melalui *written memoranda* dan juga *hearings* serta mengemukakan syor berhubung *future constitutional arrangements, including safeguards for the special interests of North Borneo and Sarawak to cover such matters as religious freedom, education, representation in the Federal Parliament, the position of the indigenous races, control of immigration, citizenship and the State Constitutions* (dipetik daripada *Report of the Inter-Governmental Committee, 1962, perenggan 3, Chapter I*).

2. Syor yang dinyatakan dalam Laporan Suruhanjaya dan Laporan IGC berkenaan, setakat yang dipersetujui oleh Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (iaitu Sabah), Sarawak dan Singapura telah diterjemahkan dalam Perjanjian Malaysia yang ditandatangani pada 9 Julai 1963 yang kemudiannya telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Malaysia 1963 [Akta 26/1963] dan undang-undang yang berkaitan. Sebagai contoh Akta Imigresen 1959/63 [Akta 15] dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32].

3. Perjanjian Malaysia merangkumi, antara lain, 20 Perkara yang diutarakan oleh Sabah dan 18 Perkara oleh Sarawak bagi melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak selepas Malaysia ditubuhkan. Antara perkara yang disentuh ialah agama, bahasa, hak kewarganegaraan, pelajaran dan perkhidmatan awam.

4. Berdasarkan Artikel VIII Perjanjian Malaysia, pihak-pihak kepada Perjanjian akan mengambil langkah perundangan, eksekutif atau langkah-langkah lain bagi melaksanakan jaminan, janji dan syor yang terkandung dalam Bab III (*Proposed Constitutional Arrangements*) serta Annex A (*Legislative Lists, Administrative Arrangements and Assurances*) dan Annex B (*The Public Service*) kepada Laporan IGC setakat mana yang tidak diperuntukkan secara nyata dalam Perlembagaan Persekutuan.

5. Perkara yang dipersetujui dalam Laporan IGC telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan. Selain itu, peruntukan undang-undang khususnya Perlembagaan Persekutuan juga telah dipinda bagi memberikan perlindungan tambahan dan keistimewaan kepada Sabah dan Sarawak.

6. Sehubungan dengan itu, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi mengkaji sama ada aspirasi rakyat Sabah dan Sarawak telah dipenuhi sejak pembentukan Malaysia tidak berbangkit pada masa ini.

Sekian, terima kasih.